



Hukum Menggabungkan Puasa Qada' dan Puasa Enam Syawal

MUKADIMAH

Kewajipan berpuasa pada bulan Ramadan merupakan rukun Islam ketiga. Oleh itu, wajib ke atas seseorang untuk menggantikan puasanya jika tertinggal termasuk bagi kaum wanita yang tidak berpuasa ketika haid. Hukum qada (ganti) puasa Ramadan perlu dilaksanakan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

Setelah berlalunya ibadah puasa di bulan Ramadan, umat Islam disunatkan melaksanakan puasa enam di bulan Syawal. Perkara ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ اتَّبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ
كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadan kemudian diikuti dengan enam hari di bulan syawal, ianya bersamaan dengan berpuasa sepanjang tahun”.

Imam al-Nawawi Rahimahullah (1392H) ketika mensyarahkan hadis di atas menyebut hadis ini menjadi dalil bagi mazhab Syafie, Hanbali dan juga Daud (al-Zahiri) disunatkan berpuasa enam hari di bulan Syawal.

Manakala fadilat seumpama berpuasa sepanjang tahun adalah berdasarkan hadis Nabi SAW yang lain menyebutkan bahawa setiap kebaikan itu dibalas dengan 10 kali ganda.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa persoalan yang timbul berkenaan dengan puasa ganti Ramadan di bulan Syawal. Antaranya seperti :

1. Apakah hukum menggabungkan niat puasa ganti dan puasa enam di bulan Syawal?
2. Adakah diterima pahala puasa Qada dan pahala puasa enam di bulan Syawal sekiranya dilaksanakan secara serentak?

Keutamaan Menggantikan Puasa Qada Ramadhan daripada Puasa Sunat Enam Syawal

- Sesiapa yang berbuka puasa pada bulan Ramadhan tanpa sebarang keuzuran, maka wajib ke atasnya menqadakan puasa serta merta selepas tamatnya Ramadhan dan selepas selesai hari raya yang pertama. Seseorang itu tidak boleh mendahulukan puasa sunat enam pada bulan Syawal kemudian diikuti dengan puasa qada (Rujuk Kitab *Bughyah al-Tullab* hlmn 128).

- Seseorang yang tidak berpuasa pada bulan Ramadan kerana ada keuzuran (yang dibenarkan syarak), maka harus baginya mendahulukan puasa enam pada bulan Syawal daripada puasa qada kerana waktu puasa qada adalah luas (*muwassa*) (Rujuk Kitab Bughyah al-Tullab hlmn 128).

Hukum Menggabung Niat Puasa Qada Ramadan dan Puasa 6 Syawal

Fuqaha dalam Mazhab Syafie membahaskan isu menggabungkan niat puasa qada dan puasa enam Syawal seperti berikut:

- 1) Imam Ramli *Rahimahullahu Taala* menyebut bahawa dia pernah ditanya tentang puasa Ramadan dan qada di bulan Syawal, adakah berhasil qada puasa Ramadan dan pahala puasa 6 hari pada bulan Syawal? Imam Ramli (1424H) *Rahimahullahu Taala* dalam kitab *Fatawa al-Ramli fi Furu' al-Fiqh al-Syafie* menjawab:

بَأَنَّهُ يَحْضُلُ بِصَوْمِهِ قِضَاءَ رَمَضَانَ وَإِنَّ نَوَى بِهِ
غَيْرَهُ وَيَحْضُلُ لَهُ ثَوَابُ سِتَّةٍ مِنْ شَوَّالٍ وَقَدْ ذَكَرَ
الْمَسْأَلَةَ جَمَاعَةٌ مِنَ الْمُتَأَخِّرِينَ .

Maksudnya: “Puasa qada Ramadannya diterima walaupun dia menggabungkan niat puasa qada Ramadan dengan puasa yang lain dan diterima pahala puasa 6 hari pada bulan Syawal. Masalah ini disebut oleh ramai ulama terkemudian (*mutaakhirin*).”

2) Imam Ibnu Hajar Al-Haitami *Rahimahullahu* Taala dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj* juga menjelaskan bagi seseorang yang berniat puasa sunat bersama puasa wajib:

أَنْ مَنْ نَوَى صَوْمَ الْقَضَاءِ يَوْمَ الْأَثْنَيْنِ مَثَلًا فَإِنْ نَوَى سُنَّةَ صَوْمِ الْأَثْنَيْنِ مَعَ ذَلِكَ حَصْلًا وَائْتِيبَ عَلَيْهِمَا وَإِلَّا لَمْ يُثَبَّ عَلَى الثَّانِي لَكِنَّ يَسْقُطُ طَلْبُهُ

Maksudnya: “Jika sesiapa yang berniat puasa qada pada hari Isnin contohnya maka jika dia berniat sunat puasa pada hari Isnin dengannya (puasa qada) maka sah kedua-duanya dan diberi ganjaran melalui kedua-duanya. Jika tidak (diniatkan sekali) maka puasa yang kedua tidak diganjar pahala tetapi gugur tuntutananya.”

Berdasarkan kepada kedua-dua pandangan di atas, mazhab Syafie mengharuskan gabung niat puasa qada dan puasa sunat serta diganjar pahala dari kedua-dua puasa tersebut.

Namun begitu, Imam Ramli dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj* menjelaskan bahawa konsep gabungan dua puasa (sunat dan wajib) dalam satu hari tidak menghasilkan pahala yang sempurna.

Ini kerana adalah lebih afdal seseorang itu melaksanakan secara berasingan, kata beliau:

وَلَوْ صَامَ فِي شَوَّالٍ قِضَاءً أَوْ نَذْرًا أَوْ غَيْرَهُمَا أَوْ فِي
نَحْوِ يَوْمٍ غَاثُورًا حَصَلَ لَهُ ثَوَابٌ تَطَوَّعَهَا كَمَا
أَفْتَى بِهِ الْوَالِدُ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى تَبَعًا لِلْبَارِزِيِّ
وَالْأَصْفُونِيِّ وَالنَّاشِرِيِّ وَالْفَقِيهِ عَلِيِّ بْنِ صَالِحِ
الْحَضْرَمِيِّ وَغَيْرِهِمْ لَكِنَّ لَا يَحْصُلُ لَهُ الثَّوَابُ
الْكَامِلَ الْمُرْتَبَّ عَلَى الْمَطْلُوبِ لِأَسِيْمًا مَنْ فَاتَهُ
رَمَضَانَ وَصَامَ عَنْهُ شَوَّالًا لِأَنَّهُ لَمْ يُصَدِّقْ عَلَيْهِ
الْمَعْنَى الْمُتَقَدِّمَ

Maksudnya: “Sekiranya berpuasa di bulan syawal, puasa qada, nazar atau selain daripada keduanya seperti berpuasa pada hari asyura (digabungkan dengan puasa wajib), maka dia mendapat pahala puasa sunat itu sepertimana yang difatwakan oleh ayahanda (bapa kepada Imam ar-Ramli). Sepertimana pandangan al-Barizi, al-Asfuni, al-Nasyiri, al-Faqih Ali bin Soleh al-Hadrami dan selain mereka tetapi dia tidak mendapat pahala yang sempurna disebabkan perkara yang dituntut (puasa yang berasingan dengan niat yang khusus), lebih-lebih lagi sesiapa yang meninggalkan puasa Ramadan kemudian menggantikannya di bulan Syawal. Ini kerana ia tidak bertepatan dengan makna sebelum ini.

Kesimpulannya dari perbincangan ini:

- Puasa qada berasingan dengan puasa 6 pada bulan syawal adalah lebih diutamakan.
- Namun begitu, menyatukan puasa qada dengan puasa enam itu tetap diharuskan dan mendapat ganjaran kedua-duanya.
- Bagi mereka yang meninggalkan puasa Ramadan tanpa keuzuran, maka dia wajib mengqada puasa sesegera mungkin iaitu seurus selepas hari raya pertama. Manakala sesiapa yang meninggalkan puasa Ramadan disebabkan keuzuran, maka digalakkan untuk menggantikan puasa tersebut secepat mungkin.



PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam
Putrajaya,
No. 3, Jalan Tun Abdok Razak, Presint 3,
62100 Putrajaya.



03 8870 9000

03 8870 9101 / 9102



www.muftiwp.gov.my



[unitict\[at\]muftiwp\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:unitict@muftiwp.gov.my)



t.me/pmwprasmi



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



[@pejabatmuftiwp](https://www.instagram.com/pejabatmuftiwp)